



**PINDAAN/ TAMBAHAN  
PELAKSANAAN GARIS PANDUAN BEKERJA NORMA BAHARU  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Pemakluman ini merupakan pindaan/tambahan kepada Pekeliling Pendaftar Bil.5/2020: Garis Panduan Bekerja Norma Baharu Universiti Malaysia Sabah dan sebagai panduan untuk pelaksanaan operasi perkhidmatan di Universiti Malaysia Sabah semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Lanjutan daripada perutusan khas YAB Perdana Menteri pada 7 Jun 2020, yang memutuskan untuk menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), yang berakhir pada 9 Jun 2020 dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos 2020, maka Pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju melaksanakan pengoperasian pejabat di Universiti Malaysia Sabah sepenuhnya tertakluk dengan syarat kawalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipatuhi.

**Pelaksanaan Bekerja Di Pejabat**

- i. Pelaksanaan bekerja di pejabat bagi semua kakitangan adalah seperti berikut-

**10-12 Jun 2020**

<i>Essential services</i>	40%
<i>Non-Essential Services</i>	30%
Kakitangan akademik	Tidak tertakluk kepada limitasi peratusan (%) yang telah ditetapkan memandangkan kakitangan boleh mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui medium atas talian.  Namun, kakitangan masih dikehendaki <i>clock in</i> mengikut Garis Panduan Waktu Bekerja Fleksi Akademik (GPWBFA) sepertimana yang dikeluarkan oleh Bahagian Sumber Manusia (BSM).
Pekerja luar	Tertakluk sepertimana yang ditetapkan oleh MKN, MITI dan Kerajaan dari semasa ke semasa.

## **15 Jun- 31 Ogos 2020**

Semua perkhidmatan  
(*all services*)

**Beroperasi sepenuhnya.** Namun, sistem penggiliran dan bekerja dari rumah masih diteruskan.

Ketua Jabatan-

- i. hendaklah memastikan kakitangan bekerja dari pejabat minimum lima (5) hari dalam dua (2) minggu.
- ii. diminta memberikan pertimbangan sewajarnya kepada kakitangan yang tergolong dalam kategori berisiko.

---

Kakitangan akademik

Sama seperti sebelumnya

---

Pekerja luar

Sama seperti sebelumnya

---

- ii. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan pematuhan kakitangan untuk bekerja semula di pejabat dan memantau agar kakitangan bersedia untuk bertugas di pejabat masing-masing.

### **Bekerja Dari Rumah (*Work From Home*)**

- i. Kaedah bekerja dari rumah adalah sepertimana yang dinyatakan pada Pekeliling Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2020.
- ii. Kakitangan yang disenaraikan pada Para 3.2.2 (iv),<sup>1</sup> Garis Panduan Bekerja Norma Baharu, boleh memohon pertimbangan dan kelulusan Ketua Jabatan untuk bekerja dari rumah.
- iii. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan kakitangan lain yang tidak tersenarai dalam kategori berkenaan, untuk bekerja dari rumah, maka Ketua Jabatan juga boleh memberi pertimbangan berdasarkan justifikasi yang wajar.
- iv. Ketua Jabatan hendaklah memantau prestasi semua kakitangan di bawah seliaannya yang bekerja dari rumah bagi memastikan kepentingan perkhidmatan dilaksanakan mengikut tugas yang diberikan.

---

<sup>1</sup> Kelonggaran untuk WFH boleh dipertimbangkan untuk kakitangan-kakitangan yang tergolong dalam kategori-kategori berikut:

- a. Kakitangan yang berusia 60 tahun ke atas;
- b. Kakitangan yang mengandung;
- c. Kakitangan yang mempunyai rekod penyakit kronik seperti darah tinggi (hipertensi), kencing manis, sakit jantung, buah pinggang, kanser dan lain-lain;
- d. Kakitangan yang diarahkan menjalani pengawasan di rumah;
- e. Kakitangan yang mempunyai anak berumur 12 tahun ke bawah serta mempunyai masalah penjagaan anak kerana tadika/ taska/ pusat penjagaan ditutup;
- f. Kakitangan yang mempunyai anak OKU dan perlu penjagaan rapi;
- g. Kakitangan yang harus menjaga keluarga yang sakit.

### **Penjarakan Sosial (*Social Distancing*)**

- i. Semua kakitangan yang bertugas di pejabat hendaklah mematuhi penjarakan sosial selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP).

### **Mesyuarat**

- i. Pengurusan mesyuarat adalah sama seperti sebelumnya dan digalakkan untuk dilaksanakan secara **maya/ atas talian** atau secara **hybrid iaitu gabungan maya dan fizikal**.
- ii. Mesyuarat secara fizikal dibenarkan dengan **MENGHADKAN** jumlah kehadiran **tidak lebih dari 50%** daripada kapasiti sebenar bilik mesyuarat dan tertakluk kepada bilangan muatan setelah melakukan penandaan penjarakan sosial dengan memastikan langkah kawalan dan prosedur pematuhan keselamatan dan kesihatan mengikut garis panduan yang di keluarkan oleh PKKP.

### **Latihan**

- i. Latihan dan kursus **masih dilaksanakan** secara atas talian (*online*). Namun latihan dan kursus secara bersemuka (*face to face*) dibenarkan tertakluk dengan syarat peserta mengamalkan penjarakan sosial seperti yang ditetapkan sebelum ini dan lain-lain langkah keselamatan yang dinyatakan pada garis panduan yang dikeluarkan oleh PKKP.

### **Sukan**

- i. Sukan berkumpul dibenarkan untuk beroperasi semula selagi sukan itu tidak melibatkan sentuhan badan.
- ii. Walau bagaimanapun, sukan yang melibatkan penyokong dan penonton berkumpul masih tidak dibenarkan. Senarai aktiviti sukan yang boleh dan tidak boleh dijalankan hendaklah dirujuk dalam senarai yang dikeluarkan oleh MKN dan dibawah penyelarasan Pusat Sukan bagi Universiti Malaysia Sabah.

### **Lain-lain**

- i. Lain-lain ketetapan dan peruntukan bekerja norma baharu seperti yang dinyatakan pada Pekeliling Pendaftar Bil. 5 Tahun 2020: Garis Panduan Bekerja Norma Baharu UMS adalah tidak berubah.
- ii. Sebarang perubahan dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan dan ketetapan Kerajaan Malaysia.

**Pengecualian**

- i. Mana-mana permohonan pengecualian pada arahan yang telah dikeluarkan hendaklah mendapat kebenaran dan kelulusan Naib Canselor.

Sekian. Terima kasih



**VINA ZAHRIANI YUSOF**

Pendaftar

Universiti Malaysia Sabah

Tarikh : 12 Jun 2020